

Najib cuba elak pakej rangsangan ketiga
Malaysiakini.com
Jul 1, 09

Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kerajaan tiada rancangan pada masa ini untuk memperkenalkan pakej rangsangan ketiga kerana Malaysia mahu mengelakkan keadaan terpaksa mengalami defisit fiskal yang tinggi.

Perdana Menteri berkata kerajaan sehingga ini telah memperkenalkan dua pakej rangsangan berjumlah RM67 bilion.

Najib, yang juga Menteri Kewangan, berkata pakej rangsangan kedua bernilai RM60 bilion yang dilancarkan pada Mac tahun ini direka bentuk bagi meliputi tempoh dua tahun.

Pakej pertama bernilai RM7 bilion diperkenalkan pada November tahun lepas, lapor Bernama.

"Saya cuba mengelakkan (untuk memperkenalkan) pakej rangsangan ketiga. Ini mendedahkan risiko (defisit fiskal yang lebih tinggi) jika kami perkenalkan pakej ketiga.

"Tetapi, jika ada cara lain kami boleh merangsang lagi ekonomi kami, saya bersikap terbuka untuk mendengarnya, jika perlu. Kami memantau dengan teliti defisit fiskal," katanya dalam temubual dengan CNBC, rangkaian televisyen berita kewangan yang dikeudarakan melalui rangkaian 518 Astro pagi ini.

Beliau menjawab soalan mengenai sama ada Malaysia akan memperkenalkan satu pakej rangsangan ketiga jika ekonomi global dan Malaysia mengalami kemelesetan pada lewat tahun ini.

Jika diperkenalkan pakej ketiga, dananya perlu diperolehi dari kecairan di dalam pasaran dan bukan dari akaun kerajaan, katanya.

Peningkatan pelaksanaan

Semasa ditanya sama ada akan dilakukan penilaian menurun seterusnya pertumbuhan ekonomi Malaysia, Najib berkata ia bergantung kepada bagaimana pakej rangsangan itu menunjukkan prestasinya.

"Jadi, jika pakej rangsangan itu menunjukkan prestasi yang baik, kami (Malaysia) sepatutnya berada pada landasan untuk mencapai penguncupan 4.0 hingga 5.0 peratus seperti yang kami ramalkan," katanya.

Pada separuh kedua tahun ini, katanya ekonomi boleh menyaksikan peningkatan pelaksanaan (pakej) itu dan dananya sedang diagihkan.

"Kami percaya menjelang akhir tahun ini dan awal tahun depan, kita sepatutnya menyaksikan pemulihan tetap ekonomi global. Semasa perkara itu berlaku, Malaysia akan berada di dalam kedudukan lebih baik dan dan mendapat lebih perhatian dari pelabur," katanya.

Menjawab soalan lain, Najib berkata kerajaan tiada rancangan untuk mengantarabangsakan ringgit memandangkan pembabitan risiko. "Kami telah mempelajari pelajaran yang

memedihkan dari Krisis Kewangan Asia pada 1997/98."

Katanya tiada permintaan untuk berbuat demikian (bagi mengantarabangsakan ringgit) kerana ringgit kini boleh ditukar di mana-mana sahaja.

"Kami tidak mahu memanipulasi pasaran. Biarkan ringgit mencari nilai sebenarnya. Itu telah menjadi dasar kami dan kami akan mengekalkan dasar kami," katanya.

Ringgit dibuka pada paras 3.52 berbanding dolar AS pada pagi ini, daripada 3.51 semalam.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/107600>